

04 AUG 1997

Ling-Pengangkutan

INDUSTRI PENGANGKUTAN KAPAL SEIRING DENGAN PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Industri pengangkutan kapal membangun seiring dengan kemajuan ekonomi Malaysia, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Kargo udara telah mencatatkan kemajuan menggalakkan dengan peningkatan dari 381.41 juta kilogram pada 1994 kepada 482.03 juta kilogram pada 1995.

"Pada 1996, ia meningkat kepada 541.42 juta kilogram," katanya ketika melancarkan syarikat pengurusan pengeluaran pengedaran dan logistik Malaysia yang pertama, CEN Worldwide Sdn Bhd, di sini hari ini.

Cen Worldwide adalah milik sepenuhnya CEN Sdn Bhd, syarikat pegangan bagi Pos Malaysia Bhd., yang memiliki 42.5 peratus saham dalam Cen Sdn Bhd, Transmile Group Bhd (37.5 peratus) dan Konsortium Perkapalan Bhd (20 peratus) manakala Kementerian Kewangan mempunyai saham penentu.

Ling turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara ketiga-tiga syarikat. Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia Tan Sri Zainol Mahmood, Pegawai Ketua Eksekutif Transmile Group Gan Boon Aun dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Konsortium Perkapalan Bhd Mirzan Mahathir, mewakili syarikat masing-masing.

Dalam sektor maritim, kargo yang dikendalikan di pelabuhan meningkat dari 129.93 juta tan pada 1994 kepada 147.38 juta tan tahun berikutnya dan terus meningkat kepada 168.85 juta tan tahun lepas.

Ling berkata kerajaan sedar mengenai peningkatan penting industri pengurusan pengedaran dan logistik dan akan menggalakkan perkembangannya.

Katanya perancangan dan pelaksanaan baru adalah selaras dengan membangunkan lapangan terbang dan pelabuhan yang juga merupakan keperluan kepada industri.

"Sebagai contoh, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), yang membangun akhir-akhir ini disediakan kemudahan yang dicipta khas untuk pemilihan pengiriman, pakej dan kargo khas," katanya.

Mirzan yang juga Pegawai Ketua Eksekutif CEN Sdn Bhd berkata cara syarikat itu unik iaitu menggabungkan tiga sumber utama Malaysia dalam bidang pengurusan pengangkutan dan logistik, dengan setiap syarikat menyumbangkan kebolehan, sumber dan pengalaman.

Pos Malaysia menawarkan tenaga pekerja dan lebih 600 rangkaian pejabat pos seluruh negara, Transmile Group pula menyumbangkan kemudahan pengangkutan udara dengan 11 pesawat dan perancangan segera menambah lagi dua manakala Konsortium Perkapalan menyediakan rangkaian kemudahan pengedaran dan gudang di samping menyumbangkan pengalaman dalam pengurusan logistik dan penyelesaian kepenggunaan

-- BERNAMA

SJA NN MAI